

Bomoh-bomoh pilihan raya
MalaysiaKini.com
Disember 14,2011
Hishamuddin Rais

Di Malaysia ini kita tidak tahu bila pilihan raya akan dijalankan. Kalau di zaman Mahathir Mohamad dahulu, kita berpilihan raya apabila Mahathir telah mendapat ilham.

Ini bukan kenyataan fitnah. Orang ramai selalu terbaca tentang 'menunggu ilham' yang datangnya dari mulut Mahathir sendiri.

Di zaman Abdulah Badawi keadaan agak lucu. Ada pemerhati politik mendakwa bahawa tarikh pilihan raya ditetapkan oleh Khairy Jamaludin - menantu Abdullah.

Ini tidak betul. Yang sahlah ialah tarikh pilihan raya hanya diumumkan setelah Perdana Menteri Abdullah terbangun dari mimpinya.

Di zaman Najib Razak ini, bila pilihan raya akan dijalankan menjadi lagi pelik. Mengikut surah Haji Desas bin Lebai Desus, tidak ada sesiapa yang tahu tarikh pilihan raya kecuali Rosmah Mansor.

Amat pelik bunyinya. Lagi pelik dari ilham Mahathir. Lagi menakjubkan dari mimpi Abdullah Badawi.

Mengikut surah yang semakin tersebar, Rosmah Mansor akan mendapat tarikh ini dari Guru Ji yang akan menilik bintang-bintang di langit dan melihat perjalanan cakerawala di alam semesta.

Pak bomoh dari Mumbai ini akan menasihatkan Rosmah Mansor bila saat dan ketika yang terbaik untuk mengadakan pilihan raya. Saat dan ketika yang molek berpilihan raya ialah apabila bintang kelahiran Anwar Ibrahim mula tergelincir.

Ini bukan perkhawaran fitnah. Jangan lupa bagaimana seluruh jantung negara berdebar-debar apabila tarikh 11 haribulan sebelas, tahun dua ribu sebelas hampir sampai.

Debaran jantung ini berpunca dari Najib Razak sendiri yang percaya bahawa angka sebelas ini membawa ong. Najib dikatakan taksud dengan angka 11. Sebenarnya bukan Najib seorang sahaja menteri kabinet yang percaya ada angka-angka khusus yang akan membawa tuah. Lihat Menteri Pertahanan Zahid Hamidi yang gila dengan angka 38, hinggakan semua kereta yang dimiliki memakai angka yang sama.

Di sini saya ingin menyebarkan maklumat bahawa penggunaan nujum dan bomoh untuk menetapkan tarikh pilihan raya ini bukan hanya amalan di Malaysia.

Di Afrika, peranan bomoh dalam politik harian cukup besar. Emperor Bokassa dari Afrika Tengah menggunakan khidmat bomoh siang dan malam. Ini sama seperti apa yang dilakukan oleh Idi Amin Dada di Uganda dan Mobutu Sese Seko dari Congo.

Kita juga jangan buat-buat lupa pada satu ketika dahulu bomoh juga telah memainkan peranan yang penting dalam realpolitik di Eropah.

Sila buka kitab sejarah Revolusi Bolshevik 1917. Selain dari nama Lenin dan Trotsky kita akan berjumpa dengan nama Rasputin. Jantan yang berselindung di belakang agama ini ialah seorang bomoh yang mempengaruhi Emperor Nicholas dan pemaistri Alexandra.

Mungkin ramai yang akan bertanya kenapa agaknya para politikus ini menggunakan khidmat bomoh. Untuk persoalan ini jawabnya cukup senang. Khidmat bomoh ini diperlukan kerana semua kerajaan dan pentabiran di negara-negara ini tidak mendapat sokongan ramai. Kerajaan yang bersikap ganas dan

zalim memerlukan bomoh.

Emperor Bokassa dan Idi Amin menjadi pemimpin negara kerana merampas kuasa. Manakala Mobuto dinaikkan oleh rampasan kuasa Agensi Perisikan Pusat (CIA). Emperor Nicholas di Russia dibenci oleh rakyat hingga berlaku revolusi.

Apa perlunya khidmat bomoh untuk mereka? Kenapa Najib percaya kepada angka 11? Soalan ini akan membuka persejajaran politik negara kita. Jangan ketawa atau mengeleng-gelengkan kepala apabila membaca apa yang saya surahkan di sini.

Di Indonesia, 17 Ogos dipilih kerana ditarikh itu rakyat Indonesia yang mengangkat senjata telah berjaya menghalau Belanda. Di Rusia, 17 Oktober dipilih kerana di saat itu Revolusi Bolshevik telah berjaya menghalau Czar dan Czarina dan Lenin telah mendirikan sebuah republik.

Di tanah besar China mereka merayakan 1 Oktober kerana di hari itu Republik Rakyat China diisytiharkan oleh Mao Tse Tung pada tahun 1 Oktober 1949. Tarikh-tarikh ini diambil kerana sejarahnya.

Bagaimana pula dengan Tanah Melayu? Untuk warga yang peka pasti akan teringat bagaimana sekali sekala kita terbaca dari media arus perdana tentang sejarah tarikh pengistiharan British memberikan pentabiran ini kepada United Malay National Organisation. Sila jangan ketawa kerana di Tanah Melayu tarikh 31 Ogos telah dipilih oleh bomoh... Opss, maaf bukan bomoh.

Tarikh 31 Ogos telah ditemui setelah menilik bulan dan bintang. Orang yang menilik bulan dan bintang ini pula dikatakan tidak lain dan tidak bukan ialah ayahanda kepada Abdullah Badawi. Sayangnya ilmu menilik bintang dan bulan ini tidak turun kepada Abdullah Badawi maka terpaksa Pak Dollah kita tidur untuk memimpikan tarikh pilihan raya.

Justeru, dalam budaya United Malay National Organisation, khidmat bomoh ini bukan sesuatu yang asing. Ini bukan fitnah dari saya. Ini bukan cerita dari Haji Desas bin Lebai Desus. Sesiapa yang rajin membaca dan mentelaah akan menyedari bahawa apa yang saya tulis ini adalah fakta sejarah. Ini bukan sejarah silam. Ini berlaku pada tahun 1993 dahulu.

Cuba ingatkan kembali kepada kisah perjuangan seorang penyanyi yang hanya sempat mengeluarkan sebuah album. Malah klip videonya pernah disiarkan oleh televisyen kita.

Perempuan cun, langsing dan berambut panjang ini gagal menjadi penyanyi pop tetapi berjaya menjadi bomoh. Khidmatnya dikatakan amat amat diperlukan oleh orang-orang politik dalam United Malay National Organisation terutama ketika di tahun pemilihan dan tahun pilihan raya.

Sejarah membuktikan betapa Datuk Mazlan Harun seorang ADUN dari Batu Talam, Pahang yang percaya kepada kuasa tongkat Sukarno. Dengan memiliki rotan pendek yang pernah tersepit di celah ketiak Bung Karno,

YB kita ini berharap dia akan terus dipilih sebagai calon untuk menjadi ADUN. Yang terserlah bijak di sini ialah bomoh Mona Fendy. Minah cun ini cukup faham tentang keberahian politikus Melayu Islam.

Dari fakta perbicaraan kes Mona Fendy ini orang ramai difahamkan bahawa memang ramai politikus United Malay National yang menggunakan khidmat bomoh. Yang diketahui umum hanya seorang berdua tetapi hakikatnya pastilah lebih ramai lagi.

Apa sangkut pautnya fakta sejarah ini dengan pilihan raya umum ke-13? Untuk menjawab soalan ini, para pembaca yang budiman wajib menonton kembali klip video bertajuk "Rosmah Perempuan Puaka" di Youtube.

Dari klip bersejarah ini kita semua diberitahu oleh adik wanita itu sendiri bagaimana sang kakak telah menggunakan khidmat bomoh. Klip ini juga memuatkan pengakuan isteri bekas tuan speaker Dewan

Undangan Negeri Sembilan.

Bekas isteri tuan speaker ini mungkin tidak sedar bahawa dirinya bukan sahaja membocorkan rahsia wanita itu. Pengakuan ini cukup jelas membuktikan bahawa dia sendiri pernah bersama wanita berkenaan mencari segala macam khidmat bomoh.

Di sini saya ingin menerangkan betapa para pemerhati politik dari luar negara gagal memahami politik Malaysia. Para wartawan dari akhbar dan majalah luar telah beberapa kali memberikan ramalan tentang tarikh pilihan raya.

Banyak pemerhati dari luar yang mengkaitkan tarikh pilihan raya dengan keadaan ekonomi dunia, dengan harga minyak dan dengan kejayaan Najib membuat beberapa kenyataan yang mungkin dilihat menuju ke landasan demokratik.

Pandangan-pandangan dan analisa politik ini ada salah dan ada benar. Mengikut kajian ilmu politik moden maka pastilah kedudukan turun naik ekonomi yang akan menjadi penentu tarikh pilihan raya.

Analisa sebagini amat tepat untuk negara-negara Eropah Barat telah memasuki era pasca Rasputin. Tetapi menggunakan pendekatan ilmu politik moden yang sama untuk memahami keseluruhan politik Malaysia pasti satu kesilapan besar.

Untuk memahami lebih dalam politik kontemperori Malaysia biar saya bawa para pembaca kembali ke zaman Rasputin. Sosok ini hanyalah satu-satunya bomoh yang kewujudannya tercatat dalam sejarah moden Eropah. Malah apa yang dilakukan oleh Rasputin ketika berkhidmat dalam Istana Czar Nicholas juga telah dirakamkan oleh sejarah.

Rasputin boleh keluar masuk istana tanpa larangan. Pemaisuri Alexandra mempercayai Rasputin lebih dari mempercayai penasihat rasminya. Ketika Putera Alexei gering, Pemaisuri Alexandra bukan mencari khidmat doktor tetapi telah meminta Rasputin mengubati anakandanya. Lelaki berambut dan berjanggut panjang diyakini oleh keluarga Czar Nicholas kerana Rasputin dikatakan memiliki ilmu mistik yang dapat melihat masa depan.

Rasputin wujud di detik-detik akhir sebelum monarki dihapuskan di Rusia. Ketika itu rasuah dan penyalahgunaan kuasa sedang berleluasa. Siapa yang kaya dialah yang betul. Di Rusia ketika itu ada dua hukum - satu untuk yang memerintah dan satu lagi untuk yang diperintah. Tidak ada hukum hakam yang dapat mengusik puak yang memerintah.

Apakah para pembaca yang budiman tidak dapat melihat persamaan antara Rusia sebelum menjadi republik dengan apa yang sedang berlaku di hadapan mata kita hari ini?

Jika para pembaca telah dapat menggambarkan Rasputin keluar masuk ke istana Czar Nicholas dengan menaiki kereta kuda, cuba pula bayangkan bomoh Ji dari Mumbai yang dikatakan keluar masuk dengan Mercedes ke rumah rasmi perdana menteri di Putrajaya.

Kemudian cuba bayangkan rupa bentuk muka Guru Ji yang sedang menilik bulan dan bintang untuk mencari tarikh terbaik untuk Najib mengadakan pilihan raya. Jika masih tidak yakin dengan perbandingan dan tanda-tanda yang saya tulis ini maka sila cari kembali akhbar harian minggu lalu. Buka dan baca berhati-hati. Lihat dan teka berapa ramai agaknya Guru Ji dan Rasputin sedang menjerit-jerit, berdoa dan berbaiah di bangunan PWTC.

Jangan lupa, sebelum Czar Nicholas dan Permaisuri Alexandra cuba melarikan diri dari istana, mereka juga telah berbaiah dengan Rasputin.

Apa yang membezakan Rusia di zaman Rasputin dengan Malaysia di zaman Guru Ji hanyalah satu - lembu di Rusia pada tahun 1917 tinggal dalam kandang manakala lembu di Malaysia pada thun 2011 menginap dalam kondo.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/184151>